

18/10/1999

RM1.1j peralatan rawat penghidap HIV/Aids

KUALA LUMPUR, Ahad - Sebanyak 30 klinik kerajaan dan poliklinik seluruh negara akan dilengkapi dengan kemudahan peralatan bagi merawat penghidap HIV/Aids, mulai tahun depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Ming berkata kemudahan itu bagi rawatan awal dan memberi bimbingan kepada pesakit yang masih belum menunjukkan kesan ketara.

Katanya, Kementerian Kesihatan memperuntukkan RM1.1 juta bagi tujuan itu.

"Selain rawatan dan bimbingan, pemantauan akan dibuat di peringkat awal di klinik terbabit, bagaimanapun jika keadaan bertambah teruk akan dirujuk ke hospital yang mempunyai kemudahan rawatan," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan buku bertajuk Hidden Voices: True Malaysian Experiences of Aids, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir.

Buku yang berharga RM15 senaskhah itu adalah projek MAM yang menceritakan luahan rasa dan kisah benar penghidap HIV/Aids.

Terdahulu dalam ucapannya, Chua berkata sehingga Julai lalu, 31,126 rakyat ini menjadi mangsa virus itu dan 2,228 mati kerana Aids. Dari jumlah ini 60 peratus adalah golongan yang berusia kurang dari 40 tahun.

"HIV/Aids adalah antara sepuluh pembunuh utama di negara ini. Kesannya dijangka lebih besar kerana virus ini merebak dengan cepatnya dan masih belum ada penawarnya," katanya.

Sementara itu, katanya bagi menyokong usaha meningkat kesedaran mengenai HIV/Aids, kementerian memperuntukkan geran berjumlah RM200,000 bagi menganjurkan Kongres Antarabangsa Aids Asia Pasifik Kelima (ICAAP).

Katanya, peruntukkan itu akan digunakan bagi menaja 90 peserta persidangan yang akan diadakan pada 23 hingga 27 Oktober ini, bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

(END)